

Malaysia dalam kedudukan terbaik tarik pelabur – Najib

UM-22/3/2007

KUALA LUMPUR 21 Mac – Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk menarik pelaburan berdasarkan kewujudan sumber alam semula jadi, bahan mentah, tenaga pekerja berkemahiran tinggi pada kos rendah, zon-zon ekonomi khusus, struktur percukaian yang kondusif dan dasar-dasar kawal selia mesra perniagaan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini.

Beliau berkata, faktor-faktor ini serta penekanan kerajaan terhadap perindustrian, akan menjadikan Malaysia peneraju dalam perlumbaan untuk pembangunan.

“Bagi menggunakan sepenuhnya nilai-nilai intrinsik ekonomi Malaysia, satu pendekatan baru perlu diambil supaya para pelabur tidak hilang minat ekoran kelemahan semasa berurusan dengan perbadanan-perbadanan nasional yang terkenal dengan kerenah birokrasi dan ketidakcekapannya,” katanya.

Najib berkata demikian dalam ucaptamanya pada jamuan malam sempena ulang tahun ke-21 penswastaan Northport, di sini.


Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha sama sektor awam-swasta merupakan sebahagian daripada faktor kejayaan kritikal bagi Malaysia untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi mampan.

“Usahasama seperti itu berkembang maju dalam persekitaran di mana wujud kepercayaan bersama pada tahap tinggi – satu gandingan mantap pentadbiran dan bimbingan kawal selia serta penguatkuasaan kerajaan selain tindakan berani peniaga dan usahawan meneroka usaha baru,” katanya.

Najib berkata, suasana sedia bekerjasma ini akan mewujudkan ruang untuk meningkatkan peranan perusahaan swasta bagi memacu pertumbuhan dan persaingan Malaysia.

“Inilah juga persekitaran yang memacu perusahaan swasta untuk menyumbang lebih besar dari segi penawaran khidmat penting yang secara tradisinya didominasi agensi-agensi dan institusi negeri,” katanya.

Najib berkata, mengimbas kembali, pen-



NAJIB Tun Razak menyampaikan ucapan pada jamuan malam sempena ulang tahun ke-21 penswastaan Northport di Kuala Lumpur, malam tadi.

– Bernama

swastaan merupakan cara yang tidak dapat dielakkan berdasarkan keadaan dunia yang berkembang.

“Malaysia secara kebetulan bergerak ke arah itu lebih awal dan sesungguhnya keputusan kita untuk melaksanakan penswastan merupakan catatan penting dalam seja-

rah kejayaan ekonomi Malaysia.

“Northport ialah contoh terbaik manfaat-manfaat langkah kerajaan bergerak ke arah penswastaan,” katanya.

Northport ialah operator pelabuhan pelbagai tujuan terbesar negara, mengendalikan lebih 60 peratus dagangan dunia.

Sementara itu, Pengerusi Northport, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata PNB akan meningkatkan pelaburannya dalam pelabuhan itu kepada RM2 bilion dalam tempoh tiga hingga empat tahun dari pelaburan semasa RM1.4 bilion.

– Bernama